

13 JUL 1998

Mahathir-Faedah

KERAJAAN USAHA KURANGKAN KADAR FAEDAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan akan berusaha secara langsung atau tidak langsung untuk mengurangkan kadar faedah di negara ini bagi membolehkan syarikat meneruskan perniagaan.

Perdana Menteri berkata: "Kita (kerajaan) akan cuba kurangkan faedah. Sama ada secara langsung atau tidak langsung kita akan kurangkan faedah supaya syarikat boleh berhutang untuk meneruskan perniagaan."

Katanya kerajaan sedang mengambil pelbagai langkah bagi membantu syarikat-syarikat di negara ini yang menghadapi masalah akibat kegawatan ekonomi dan krisis kewangan yang menyebabkan nilai saham syarikat jatuh teruk.

Satu daripada langkah berkenaan ialah penubuhan syarikat pengurusan aset, Pengurusan Dana Harta Nasional Bhd (Danaharta), yang akan membolehkannya mengambil alih syarikat yang bermasalah dan mengeluarkan hutang tidak dibayar syarikat daripada bank.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita di Angkasapuri di sini selepas menyertai rakaman satu rancangan televisyen.

Ditanya apakah syarat-syarat tertentu yang akan dikenakan kepada syarikat yang dibantu, Perdana Menteri berkata memang terdapat beberapa syarat yang akan dikenakan. Bagaimanapun beliau tidak menyatakannya.

Bagaimanapun apa yang penting ialah pengurusan syarikat yang diambil alih itu akan dilakukan dengan mendapat nasihat daripada badan-badan tertentu bagi menentukan tahap pengurusannya lebih baik, katanya.

"Kita ada banyak syarikat yang mempunyai masalah. Hendak mengambilalih semua pengurusan tak mampu dibuat, tapi kita akan teliti pengurusan syarikat itu dan kita akan beri syarat-syarat supaya segala kewangan syarikat ditadbir dengan baik, diurus dengan baik," katanya.

Ditanya sama ada akan wujud pengawalan yang lebih ketat terhadap syarikat yang bermasalah itu, Dr Mahathir berkata secara tidak langsung kawalan akan dikenakan bagi menentukan wang pinjaman bank tidak dibelanjakan untuk tujuan yang lain daripada kepentingan syarikat serta menghentikan amalan tidak sihat.

Ditanya kenapa kerajaan tidak mengambil alih terus syarikat yang bermasalah melalui agensi kerajaan yang sedia ada, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak boleh mengambil alih syarikat berkenaan.

Katanya penubuhan Danaharta merupakan satu pendekatan yang biasa dilakukan di negara-negara maju termasuk Amerika Syarikat bagi menyelamatkan syarikat yang menghadapi masalah.

"Bila mereka mendapati banyak syarikat jatuh atau satu syarikat besar jatuh maka mereka mengambilalih syarikat ini supaya ia tidak jadi bankrap, kerana kalau bankrap perniagaan tidak boleh jalan langsung.

"Dengan cara ini, ia masih boleh menjalankan perniagaan tapi diawasi oleh badan (Danaharta) ini," katanya.

Mengenai penjualan saham syarikat tempatan kepada syarikat asing, Dr Mahathir berkata syarikat tempatan yang menghadapi masalah kewangan pada masa ini terpaksa bergantung kepada syarikat luar negeri bagi menambah modal kerana syarikat tempatan tidak boleh mendapat pinjaman dan tidak mempunyai wang.

"Hendak jual dalam negeri kebanyakan syarikat tempatan sudah tidak ada wang dan tidak boleh pinjam wang. Jadi terpaksa bergantung kepada syarikat luar negeri. Namum demikian kita akan hadkan, tidak sehingga mereka

mengambil alih syarikat-syarikat ini," katanya.

Dr Mahathir juga diminta memberi pandangannya mengenai media Singapura yang dikatakan berterusan menyiarkan berita-berita negatif terhadap Malaysia khususnya mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang yang baru dibuka itu.

Katanya, media Singapura berhak untuk membuat sebarang laporan termasuk yang negatif mengenai Malaysia walaupun laporan yang disiarkan kadang-kadang tidak berasas.

"Itu memanglah hak mereka untuk membuat laporan yang kadang-kadang tidak ada asas. Dan ini tidaklah menyenangkan kita tetapi kita dapati kita tidak buat sedemikian," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata tindakan media asing suka melaporkan keburukan terhadap Malaysia juga antara lain disebabkan sikap media tempatan sendiri yang kadang-kadang suka melaporkan keburukan sendiri.

"Kadang-kadang kita sendiri suka lapor keburukan kita. Jadi orang lain lebih sukalah hendak lapor keburukan kita," katanya.

-- BERNAMA

HS NMO